



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PENGUMUMAN**

**MAKLUMAN PENGGUNAAN *FOOD SAFETY INFORMATION SYSTEM OF MALAYSIA* (FOSIM) BAGI AKTIVITI PELESENAN MESIN JUAL AIR, AIS, AIR MINUMAN BERBUNGKUS (AMB) DAN AIR MINERAL SEMULAJADI (AMS)**

Tuan/Puan yang dihormati,

Dimaklumkan semua permohonan lesen Mesin Jual Air (MJA), Ais, Air Minuman Berbungkus (AMB) dan Air Mineral Semulajadi (AMS) perlu dikemukakan melalui *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) di <http://fosim.moh.gov.my> berkuatkuasa serta-merta.

Walau bagaimanapun, permohonan lesen yang masih sedang diproses secara manual (permohonan yang diterima sebelum FoSIM dilancarkan pada 15 Mac 2021) di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) perlu diselesaikan dengan **SEGERA** oleh pemohon. Laporan akhir permohonan pula perlu dikemukakan oleh PKD/JKN ke peringkat Ibu Pejabat BKKM selewat-lewatnya pada **30 September 2021**.

Bagi permohonan lesen (secara manual) yang tidak diselesaikan selepas 30 September 2021, maka permohonan adalah **TERBATAL** dan pemohon perlu mengemukakan permohonan baru berserta bayaran fi proses melalui sistem FoSIM.

Sekian, terima kasih.

Seksyen Pelesenan  
Cawangan Industri Domestik  
Ibu Pejabat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan